



## Cerita Sejarah yang Berlumuran Darah - Masa Khalifah Mu'āwiyah

Hajar ibn 'Adī ialah salah seorang pemimpin Iraq yang telah taat setia kepada Saydina 'Alī ibn Abī Tālib. Sesudah Saydina 'Alī wafat, maka Iraq ditakluki oleh Mu'āwiyah. Di sana diperintahkannya gabenor-gabenornya supaya menista dan mencerca 'Alī di mana-mana jua. Perbuatan ini sudah tentu tidak senang disambut oleh pengikut-pengikut Saydina 'Alī. Hajar menentang kata-kata itu dengan kata-kata sehingga akhirnya kerana tentangannya itu ia terpaksa melarikan diri dan akhirnya menyerah kepada gabenor Mu'āwiyah dengan syarat bahawa ia tidak diapa-apakan melainkan terlebih dahulu berjumpa dengan Mu'āwiyah sendiri di pusat kerajaannya di Shām. Syarat ini diterima.

(dipetik daripada buku Mu'āwiyah ibn Abī Sufyan susunan 'Idrūs yang sedang dicetak.)

Berjalanlah unta-unta itu membawa Hajarī bersama dengan sahabat-sahabatnya yang dikawal oleh tentera-tentera dengan pedang terhunus dan panah yang terpasang pada busurnya. Siang dan malam, mata mereka tidak pernah lelap barang sekejap pun. Mereka takut kalau-kalau sebahagian Shī'ah akan menyerbu rombongan tersebut dan melepaskan tawanan mereka daripada belunggu kuku besi dan maut yang menantikan mereka itu. Tentera-tentera itu yakin, bahawa mereka akan membayar dengan nyawa mereka andai kata mereka tidak menyerahkan Hajar bersama-sama dengan sahabat-sahabatnya yang kena tuduh itu sekiranya mereka kembali kepada Ziyād menerangkan terlepas tawanan tersebut dari tangan mereka, dan juga jika mereka meyampaikan berita itu kepada Mu'āwiyah.

Matahari tetap terbit dan masuk, sedang kafilah<sup>1</sup> itu bersegera dalam perjalanannya. Ketika itu kelihatanlah tentera-tentera penjaga semakin jauh mereka

meninggalkan bandar-bandar Iraq mendekati sempadan batas-batas negeri Shām<sup>2</sup>. Perasaan mereka gundah. Demikianlah hal pengawal itu.

Ada pun Hajar dan sahabat-sahabatnya adalah menghabiskan waktu siang dan malam dalam beribadat yang panjang dan perhatian yang mendalam yang menjauuhkan daripada mereka pandangan maut yang melompat-lompat dihadapan orang-orang yang berkeadaan seperti mereka. Mereka menempatkan perasaan tetap - tabah dan kesejahteraan dalam hati mereka. Mereka tenang dan diam dan mereka menunjukkan diri mereka dengan menyebut dan mengingat Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar daripada sekalian yang tinggi dan besar itu.

Sebenarnya berita tentang keberangkatan tawanan itu telah lebih dahulu sampai kepada Mu'āwiyah sebelum ketibaan rombongan tadi. Nama-nama mereka telah diberitahu kepada sahabat-sahabat Mu'āwiyah. Oleh itu orang-orang terkemuka dari

<sup>1</sup> rombongan orang (berserta dgn unta dan barang-barang yg dibawa) dlm perjalanan di padang pasir

<sup>2</sup> nama lain bagi Syria

penduduk Dimashq<sup>3</sup> pun datanglah mengadapnya (Mu'āwiyah) minta tolong terhadap kerabatnya yang kena tawan itu. Sebahagian daripada mereka ada yang mendapat ampunan terlebih dahulu. Melihat keadaan yang demikian maka Mālik ibn Hubayrah pun bangun berdiri di hadapan Mu'āwiyah seraya berkata:

“Berikanlah ampunan kepada anak saudaraku, Ḥajar”.

Kata Mu'āwiyah: “Dia itu ketua kaum. Aku takut jika aku melepaskannya ia akan merosakkan bandarnya. Ketika itu kita pun berhajat menentukan kamu menetap di Iraq.”

Mendengar jawapan itu, Mālik pun berkata dengan marahnya:

“Demi Allah engkau tidak menghiraukan aku hai Mu'āwiyah! Aku telah berperang bersama-sama engkau melawan anak bapa saudaramu ('Alī ibn Abī Ṭālib) di dalam peperangan dua saf (peperangan 'Alī- Mu'āwiyah) yang telah menjadikan engkau menang dan tinggi martabat engkau. Kemudian sekarang aku meminta padamu ampunan terhadap anak saudaraku Ḥajar, sampai hati engkau menolaknya.”

Kemudian Mālik ibn Hubayrah pun keluar meninggalkan Mu'āwiyah dan diam di dalam rumahnya mengatur langkah dan caranya sendiri.

Mu'āwiyah mengeluarkan perintah untuk menahan tawanan-tawanan itu di Marj al-'Adhrā' sehingga datang perintahnya, terhadap mereka. Tiada berapa lama sesudah itu datanglah perintah memutuskan hukuman ampun kepada enam orang dan hukuman bunuh kepada delapan orang termasuk ketua mereka Ḥajar. Semasa itu pelaksana hukuman berkata kepada korban-korbannya:

“ Kami telah diperintahkan supaya mengemukakan kepada kamu soal membersihkan dirimu daripada 'Alī dan hendaklah kamu mengutuknya. Jika sekiranya kamu buat seperti itu kami akan tinggalkan kamu hidup, dan jika kamu enggan, maka kami akan membunuh kamu.”

Tawanan itu menjawab:

“ Kami tidaklah sekali-kali akan membuat seperti itu.”

Mereka enggan membeli hidup dengan menukarkan taat setia mereka kepada 'Alī, padahal beliau ('Alī) telah meninggal dunia, tidak mendapat apa-apa manfaat ataupun mudarat bagi mereka dalam perdirian mereka itu.

Malam mulai menjatuhkan tirainya ke atas delapan orang yang menerima hukuman bunuh itu. Ia sangat gelap dan gerun, hingga meyebabkan perasaan mengantuk terbang dari kelopak mata mereka. Andai kata bukan kerana kekuatan iman dan ketabahan keyakinan nescaya mereka akan menghabiskan waktu malam mereka itu dengan tangisan dan lolongan dan kesabaran pun tentu tidak menetap dalam hati mereka.

Demi waktu memasuki tengah malam, tiba-tiba orang-orang tawanan itu telah dikejutkan oleh satu suara dan gerakan. Bila mereka berpaling kepadanya, tiba-tiba terpancanglah kepada mereka cangkul melayang di udara turun ke bawah membelah bumi, yang tiada berapa lama telah merupakan suatu liang yang seolah-olahnya menjerit mengeluarkan perkataan:

“Akulah kubur, akulah kubur yang disediakan untuk tiap-tiap seorang daripada kamu.”

Oh! Ejekan takdir dan paluan merbahaya!

<sup>3</sup> atau juga dikenali sebagai Damsyik

Satu kaum dihalau untuk minum di kolam maut.

Tidak cukup dengan mereka akan menemui mati, tetapi dipertontonkan pula liang tempat kubur mereka di hadapan mata mereka dan memandang algojo-algojo itu berdiri dikeliling mereka membeliakkan mata yang mengeluarkan cahaya merah dan biru yang tak ubah seperti lidah api rupanya.

Waktu berjalan satu jam demi satu jam, sementara cangkul melayang turun membelah bumi, pungkis membuang tanah galian dan bunyi tapak kaki orang yang berjalan pergi balik tidak putus-putus kedengaran kepada mereka dari tempat yang tiada berapa jauh dengan mereka di situ. Semua yang tersebut itu bukan memasuki perasaan takut, tetapi ialah untuk menambahkan cepatnya masa dalam membayangkan satu dunia yang bukan dunia ini dan melebihi perhatian kepada rahmat Allah dan keredaan-Nya.

Allah itu adalah Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani, dan rahmat-Nya itu adalah syurga yang penuh dengan berbagai-bagai nikmat yang menjadi tempat layangan fikiran dan khayal tiap-tiap seseorang daripada mereka yang delapan orang itu.

Delapan liang yang telah dikorek.

Kubur-kubur telah mengangakan mulutnya.

Taring hitam lagi tajam kelihatan berkilat pada dindingnya.

Di dalam liang keluar suara yang menggerunkan.

Algojo datang teruyung-uyung ke arah Hajar ibn ‘Adi.

Melihat yang demikian, maka Hajar yang terbelenggu ini pun berkata:

“Izinkanlah aku sebentar mengambil wuduk dan sembahyang, kerana aku tidak mengambil wuduk kecuali bersembahyang.”

Algojo itu memandang kepada ketuanya dengan gaya yang berbelah-belah hati. Kemudian ketuanya itu meisyarahkan untuk membuka sebahagian belenggunya. Hajar pun mengambil wuduk dan ia sembahyang dengan mengambil masanya yang panjang. Apabila selesai sahaja ia daripada memberi salam ia pun berpaling kepada pedang yang berada di atas kepalanya seraya berkata:

“Demi Allah! Tidak pernah sekali-kali aku mengerjakan sembahyang yang lebih ringan daripada sembahyangku yang baharu ini. Kalau tidak kamu sangka bahawa aku takutkan mati, sesungguhnya aku akan membanyakkan pada mengerjakannya.”

Kemudian ia berdiam diri sebentar lalu munajat kepada Allah, katanya:

“Ya Allah sesungguhnya kami minta perlindungan-Mu atas umat kami. Sesungguhnya penduduk Kūfah telah naik saksi atas kami dan penduduk Shām membunuh kami. Demi Allah jika kamu bunuh aku di dalamnya (negeri Shām) maka sesungguhnya akulah pahlawan Islam yang pertama sekali tewas di dalam lembahnya dan aku jugalah orang lelaki Islam yang pertama sekali disalak oleh anjing-anjingnya.”

Hadbah ibn ‘Iyās, algojo dan pelaksana hukum pun berjalan ke situ. Manakala Hajar melihat kilat matanya Hajar pun menggeletar sedikit. Melihat keadaan yang semacam itu Hadbah pun berkata kepadanya:

“Aku sangka engkau tidak gerun daripada maut. Jika engkau hendak hidup bersihkanlah dirimu daripada ‘Alī.”

Mendengar perkataan itu Hajar pun tersenyum sedikit seraya berkata:

“Bolehkah aku tidak gerun melihat liang kubur, kain kapan dan pedang yang terhunus! Tetapi demi Allah sungguhpun aku merasa gerun daripada pembunuhan, aku tidak sekali-kali mengatakan apa-apa yang boleh memurkakan Tuhan.”

Habis sahaja perkataan itu, pedang pun singgah atas tengkuknya. Kepalanya bercerai daripada badannya. Darah memancar laksana mata air. Setelah itu mereka gulingkan badan dan kepalanya ke dalam liang kubur yang telah disediakan. Sejurus kemudian penggali lubang pun datang menimbus dan meratakan tanah. Dengan jalan yang seperti ini jugalah lima orang lain itu menemui ajal mereka.

Ada pun yang dua orang lagi daripada sahabat-sahabat Hajar itu berkata kepada algojo-algojo itu: “Bawalah kami kepada tuan kamu Mu‘āwiyah. Kami akan mengikut apa-apa perkataannya.”

Mereka kedua pun dibawalah kepada Mu‘āwiyah. Kemudian algojo-algojo itu pun bekerja menghilangkan tanda-tanda darah yang tumpah di atas bumi. Setelah itu mereka kembali lagi. Semasa mereka masih dalam perjalanan, tiba-tiba terpanglah oleh mereka kuda menuju ke arah mereka, setelah dekat, tiba-tiba kelihatanlah kepada mereka Mālik ibn Hubayrah dan beberapa orang penunggang kuda bersama-sama denganya, meminta mereka berhenti dan bertanyakan Hajar. Jawab algojo-algojo itu:

“Kaum itu telah taubat dan kami datang ini untuk memberitahu hal itu kepada Amīr al-Mu‘minīn.”

Mendengar jawapan itu, Mālik pun melepaskan mereka berjalan, sementara ia terus pergi ke Marj al-‘Adhrā’. Di sana didapatinya perkhabaran daripada beberapa orang yang datang, bahawa Hajar dan sahabat-sahabatnya telah dibunuh. Bila Mālik mendengar perkhabaran itu ia pun mengirim rombongan

penunggang kuda tadi mengikut jejak algojo-algojo itu untuk menuntut bela. Tetapi malangnya mereka tidak menjumpai mereka itu. Tatkala algojo-algojo tersebut masuk mengadap Mu‘āwiyah, mereka pun menceritakan kepadanya darihal Mālik tadi. Kata Mu‘āwiyah:

“Itu hanya kepanasan di dalam dada sahaja. Tidak lama ia akan sejuk.”

Mālik kembali ke rumahnya dan tidak pergi berjumpa Mu‘āwiyah. Pada waktu malam Mu‘āwiyah pun mengutus kepadanya seorang utusan bersama dengan seratus ribu dirham dan berkata kepadanya atas nama Amīr al-Mu‘minīn:

“Tiada yang menghalangi aku daripada memperkenankan permohonanmu meminta pertolongan kecuali kerana takut mereka akan kembali kepada menyerang kita. Jika terjadi begitu tentulah ia akan mendatangkan bala kepada orang-orang Islam lebih besar daripada membunuh Hajar.”

Maka Mālik pun mengambil wang itu dan berdiam diri.

Sudah Siap!

#### SISA NERAKA DUNIA

Penanggungan kita masa Jepun tidaklah hendak-nya tinggal begitu sahaja.

Penderitaan yang hebat ini telah di-gambarkan oleh Ahmad Luthfi dalam buku karangan-nya huruf jawi yang terbit tahun 1948.

Sekarang berpeluang membachanya dengan huruf Rumi. Cherita-nya hebat.

Sa-naskhah \$1.00

Teknik-nya bagus.